

## **BAB 4**

### **DAPATAN ANALISIS KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini mengemukakan data-data yang diperoleh daripada sampel kajian. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan program 'Statistic Packages for the Social Science (SPSS) versi 10.0. Data-data tersebut dikemukakan dalam empat bahagian. Bahagian pertama membincangkan latar belakang sampel. Bahagian kedua pula diberikan tumpuan kepada hasil pengujian soalan kajian. Bahagian ketiga membincangkan dapatan hasil temu bual dengan guru-guru bahasa dan bahagian keempat pula membincangkan dapatan hasil temubual dengan murid.

#### **4.1 Latar belakang sampel**

Seramai 30 orang pelajar tahun satu daripada pelbagai tahap kebolehan membaca telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Daripada jumlah tersebut 15 orang adalah terdiri daripada kumpulan eksperimen yang didedahkan dengan pengajaran berasaskan kaedah membaca seimbang dan 15 orang lagi terdiri daripada kumpulan kawalan yang didedahkan dengan kaedah pengajaran tradisional.

## 4.2 Pengujian Soalan Kajian

Berikut adalah hasil pengujian soalan kajian mengikut turutan di bawah.

### Soalan kajian 1

*Adakah terdapat peningkatan dalam kemahiran membaca di kalangan murid-murid tahun satu di SJK Tamil selepas menggunakan kaedah membaca seimbang?*

*Jadual 4.1*

*Dapatan ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi sebutan fonem selepas menggunakan kaedah membaca seimbang bagi Kumpulan Eksperimen.*

Kumpulan	N	min	Sisihan piawai	Nilat -t	p.
Ujian Pra	15	2.333	.8997	-11.504	.000
Ujian Pos	15	6.000	1.0690		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan analisis ujian t dari jadual 4.1 telah memperoleh nilai t sebanyak -11.504 menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi sebutan fonem secara signifikan antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan eksperimen. Analisis terperinci ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi fonem bagi kumpulan eksperimen ( $n=15$ ) dijelaskan dalam lampiran J (1)

**Jadual 4.2**

**Dapatan ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata selepas menggunakan kaedah membaca seimbang bagi Kumpulan eksperimen.**

Kumpulan	N	min	Sisihan piawai	Nilat -t	p.
Ujian Pra	15	4.5333	2.1996	-11.588	.000
Ujian Pos	15	11.4000	3.6801		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan analisis ujian t dari jadual 4.2 telah memperoleh nilai t sebanyak -11.588 menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata secara signifikan antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan eksperimen. Analisis terperinci ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata bagi kumpulan eksperimen ( $n=15$ ) dijelaskan dalam lampiran J (2)

**Jadual 4.3**

**Dapatan ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) selepas menggunakan kaedah membaca seimbang bagi Kumpulan eksperimen.**

Kumpulan	N	min	Sisihan piawai	Nilat -t	p.
Ujian Pra	15	2.6000	1.7238	-11.588	.000
Ujian Pos	15	9.4667	4.0860		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan analisis ujian t dari jadual 4.3 telah memperoleh nilai t sebanyak -11.588 menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) secara signifikan antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan eksperimen. Analisis terperinci ujian  $-t$  terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata bagi kumpulan eksperimen ( $n=15$ ) dijelaskan dalam lampiran J (3)

**Jadual 4.4**

***Dapatan ujian  $-t$  terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (tiga suku kata) selepas menggunakan kaedah membaca seimbang bagi Kumpulan Eksperimen.***

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilat $-t$	p.
Ujian Pra	15	1.0000	2.1712	-5.313	.000
Ujian Pos	15	8.6667	6.4771		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan analisis ujian t dari jadual 4.4 telah memperoleh nilai t sebanyak -5.313 menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (tiga suku kata) secara signifikan antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan eksperimen. Analisis terperinci ujian  $-t$  terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan kata (tiga suku kata) bagi kumpulan eksperimen ( $n=15$ ) dijelaskan dalam lampiran J (4)

Secara keseluruhannya data menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan dalam sebutan fonem, bacaan suku kata, bacaan seluruh kata iaitu bacaan perkataan yang mengandungi dua suku kata dan bacaan perkataan yang mengandungi tiga suku kata. Ini menampakkan terdapat peningkatan secara keseluruhan setelah menggunakan kaedah membaca seimbang di kalangan murid-murid tahun satu.

**Soalan Kajian 2**

**Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari sebutan fonem antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?**

**Jadual 4.5**

**Dapatan ujian -t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi sebutan fonem antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen**

Kumpulan	N	min	Sisihan piawai	Nilat F	p.
Kawalan	15	2.333	.8997	1.552	.000
Eksperimen	15	6.000	1.0690		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan ujian -t dari jadual 4.5 telah memperoleh nilai F sebanyak 1.552 yang signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi sebutan fonem secara signifikan di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Analisis terperinci dapatan ujian -t terhadap perbezaan min

peningkatan dari segi fonem antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen (n = 30) dapat di dalam lampiran J (5)

**Soalan kajian 3**

*Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bacaan suku kata antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen?*

**Jadual 4.6**

***Dapatan ujian –t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen***

Kumpulan	N	min	Sisihan piawai	Nilat F	p.
Kawalan	15	2.5333	1.0601	13.558	.000
Eksperimen	15	11.4000	3.6801		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan ujian –t dari jadual 4.6 telah memperoleh nilai F sebanyak 13.558 yang signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata secara signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Analisis terperinci dapatan ujian –t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan suku kata antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen (n = 30) dapat di dalam lampiran J (6)

#### ***Soalan kajian 4***

***Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bacaan seluruh kata antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?***

Soalan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan pencapaian bacaan seluruh kata dari segi bacaan perkataan yang mengandungi dua suku kata manakala bahagian kedua membincangkan pencapaian bacaan seluruh kata dari segi bacaan perkataan yang mengandungi tiga suku kata.

***Jadual 4.7***

***Dapatan ujian –t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen***

<b><i>Kumpulan</i></b>	<b><i>N</i></b>	<b><i>Min</i></b>	<b><i>Sisihan piawai</i></b>	<b><i>Nilat F</i></b>	<b><i>p.</i></b>
<b><i>Kawalan</i></b>	<b><i>15</i></b>	<b><i>2.2000</i></b>	<b><i>.9411</i></b>	<b><i>14.047</i></b>	<b><i>.000</i></b>
<b><i>Eksperimen</i></b>	<b><i>15</i></b>	<b><i>9.4667</i></b>	<b><i>4.0860</i></b>		

***Signifikan pada paras  $p < 0.05$***

Keputusan ujian –t dari jadual 4.7 telah memperoleh nilai F sebanyak 14.047 yang signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) secara signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Analisis terperinci dapatan ujian –t terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen ( $n = 30$ ) dapat dalam lampiran J (7).

**Jadual 4.8**

**Dapatan ujian  $-t$  terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (dua suku kata) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen**

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilat F	p.
Kawalan	15	.2667	.4577	57.491	.000
Eksperimen	15	8.6667	6.4771		

*Signifikan pada paras  $p < 0.05$*

Keputusan ujian  $-t$  dari jadual 4.8 telah memperoleh nilai F sebanyak 57.491 yang signifikan pada paras  $p = 0.000$ . Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (tiga suku kata) secara signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Analisis terperinci dapatan ujian  $-t$  terhadap perbezaan min peningkatan dari segi bacaan seluruh kata (tiga suku kata) antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen ( $n = 30$ ) dapat di dalam lampiran J (8).

Secara amnya analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min peningkatan yang signifikan dari segi peningkatan kemahiran membaca selepas menggunakan kaedah seimbang, sebutan fonem, bacaan suku kata dan bacaan seluruh kata antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.

#### **4.2 Temubual dengan guru bahasa**

Pengkaji telah menemubual tiga orang guru yang mengajar Bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Renggam, Shah Alam. Soalan-soalan

yang dikemukakan adalah berdasarkan aspek-aspek kaedah pengajaran bacaan di bilik darjah, pencapaian murid, penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran serta masalah pembelajaran murid. Soalan-soalan temu bual adalah seperti yang terdapat pada lampiran H.

Hasil temubual dengan sampel guru-guru mendapati terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. kaedah-kaedah ini digunakan mengikut citarasa guru serta keadaan situasi pembelajaran murid. di antara kaedah yang sering digunakan oleh mereka adalah kaedah fonik, kaedah latih tubi, kaedah gabung jalin dan sebagainya. Ada juga antara sampel menggunakan kaedah-kaedah pengajaran mengikut bilangan murid.

Pada pandangan mereka kaedah fonik, suku kata dan kaedah pandang dan sebut (look and say) adalah sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil bagi murid-murid tahun satu. Kaedah-kaedah sesuai digunakan kepada kanak-kanak peringkat awal pembelajaran pembacaan. Ada juga guru yang menggunakan gabungan semua teknik pengajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Murid-murid pintar menguasai semua fonem dan abjad yang sepatutnya dikuasai semasa berada dalam tahun satu. Walau bagaimanapun masih terdapat sebilangan besar murid yang tidak mahir membaca atau tidak tahu langsung untuk membaca. Ada juga di antara sampel mengatakan bahawa jumlah peruntukan masa bagi mata pelajaran Bahasa Tamil adalah mencukupi bagi murid-murid pintar. Manakala murid-murid sederhana dan lembab tidak dapat menguasai abjad yang diperuntukkan bagi tahun satu.

Secara amnya semua guru setuju bahawa murid-murid tahun satu telah menguasai pembunyian dan bentuk semua huruf vokal. Tetapi ada segelintir murid yang

tidak kenal dan tidak dapat menyebut membunyikan huruf konsonan. Ini mungkin disebabkan oleh jumlah konsonan yang harus dikuasai adalah banyak. Murid-murid menghadapi untuk mengenal pasti beberapa huruf konsonan iaitu /n/, /n/, /n/, /r/, /r/, /l/, /l/, /l/ (/ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/). Kemungkinan masalah ini dapat di atasi dengan menggunakan kaedah membaca seimbang.

Hasil temubual juga menampakkan Murid-murid sederhana dan lembab masih tidak dapat menyebut suku kata dengan lancar. Murid-murid pintar dapat menguasai semua suku kata yang sepatutnya. Jadi boleh dikatakan bahawa kaedah tradisional tidak memberi kesan bacaan kepada murid-murid yang lembab dan sederhana. Jadi kaedah membaca seimbang mungkin lebih sesuai kepada murid-murid lembab dan sederhana di samping.

Guru-guru juga menyatakan bahawa murid-murid pintar lebih cepat membaca perkataan berbanding dengan murid-murid sederhana dan lembab. Murid-murid lembab mengalami gangguan semasa membaca. Satu faktor yang mendorong kepada keadaan ini ialah murid-murid lembab mempunyai sifat kelupaan. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan murid mampu membaca perkataan tetapi mereka lupa jika ditanya pada minggu berikutnya. Pada hemat penyelidik mungkin kaedah membaca seimbang boleh mengatasi masalah tersebut.

Murid-murid dapat membaca kebanyakan perkataan dengan intonasi yang betul. Masalah utama yang dihadapi semasa membaca perkataan ialah sebutan intonasi yang kurang tepat atau tidak tepat. Mereka keliru dengan pembunyian /l/, /l/, /l/ (/ṅṅ/, /ṅṅ/, /ṅṅ/). Semasa membunyikan tiga-tiga fonem ini penggunaan lidah hendaklah tepat untuk menentukan maksud yang hendak disampaikan. Sebagai contoh /palam/ (/ṅṅṅṅ/)

membawa maksud *buah*. Manakala perkataan /palam/ (/للم/) membawa pengertian *kekuatan*.

Secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa walaupun pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengajar bacaan tetapi masih terdapat masalah tidak dapat membaca. Jadi boleh dikatakan perlu suatu penyelesaian bagi mengatasi masalah ini. Kaedah membaca seimbang boleh menjadi suatu alternatif bagi kaedah tradisional yang ada sekarang.

#### 4.4 Pencapaian murid kumpulan eksperimen

*Jadual 4.9*

*Pencapaian mengikut kategori*

Sampel	Sebutan fonem (F) (7 fonem / 100%)		Bacaan suku kata (SK) (15 suku kata / 100%)		Bacaan perkataan yang mengandungi dua suku kata (2SK) (15 patah perkataan / 100%)		Bacaan perkataan yang mengandungi tiga suku kata (3SK) (18 patah perkataan/100%)	
	F	%	SK	%	2SK	%	3SK	%
1	5	71	12	80	9	60	0	0
2	5	71	10	67	5	33	0	0
3	7	100	12	80	11	73	15	83
4	5	71	12	80	11	73	7	39
5	6	86	13	87	10	67	11	61
6	5	71	5	33	3	20	3	17
7	7	100	15	100	11	73	18	100
8	7	100	5	33	10	67	4	22
9	7	100	15	100	12	80	12	67
10	7	100	15	100	15	100	14	78
11	5	71	10	67	2	13	0	0
12	7	100	14	93	14	93	13	72
13	6	86	14	93	15	100	11	61
14	4	57	5	33	5	33	4	22
15	7	100	14	93	9	60	18	100

Mengikut jadual 4.9 seramai tujuh orang murid (46.7%) telah menguasai semua tujuh (100%) fonem yang telah diuji dalam kajian ini. Terdapat seramai dua murid (13.3%) yang telah menguasai enam (86%) fonem daripada tujuh fonem yang telah diuji. Terdapat seramai lima orang murid (33.3%) yang telah menguasai lima (71%) fonem daripada tujuh fonem. Hanya seorang (6.7%) orang murid yang telah menguasai empat (57%) fonem daripada tujuh fonem yang telah diuji. Secara keseluruhannya semua murid telah menguasai lebih daripada 50% fonem yang telah diuji dalam kajian ini.

Dalam penguasaan suku kata seramai tiga orang murid (20%) telah menguasai semua lima belas suku kata (100%) yang telah diuji. Seramai tiga orang murid (20%) telah menguasai empat belas (93%) suku kata daripada lima belas suku kata. Terdapat seorang murid (6.7%) yang menguasai tiga belas (87%) suku kata daripada lima belas suku kata yang diuji. Seramai tiga orang murid (20%) telah menguasai dua belas (80%) suku kata daripada lima belas suku kata. Terdapat dua orang murid (13.3%) yang telah menguasai sepuluh (67%) suku kata daripada lima belas suku kata. Seramai tiga orang murid (20%) telah menguasai lima (33.3%) suku kata daripada lima belas suku kata yang diuji dalam kajian ini. Secara amnya dua belas orang murid (80%) telah menguasai lebih daripada 50% suku kata yang telah diuji dalam kajian ini.

Dalam kategori penguasaan perkataan yang mengandungi dua suku kata (2SK) seramai dua orang murid (13.3%) telah menguasai semua (100%) lima belas perkataan yang diuji. Seorang (6.7%) murid telah menguasai empat belas (93%) perkataan daripada lima belas perkataan. Seramai tiga orang murid (20%) telah menguasai sebelas (73%) perkataan daripada lima belas perkataan. Seramai dua orang murid (13.3%) telah menguasai sepuluh perkataan (67%) daripada lima belas perkataan yang diuji.

Terdapat seramai dua orang murid (13.3%) telah menguasai sembilan patah perkataan (60%) daripada lima belas perkataan. Dua orang murid (13.3%) hanya menguasai lima perkataan (33%) yang mengandungi dua suku kata daripada lima belas patah perkataan yang diuji. Seorang murid (6.7%) telah menguasai tiga (20%) patah perkataan dan seorang murid (6.7%) lagi menguasai hanya dua (13%) patah perkataan daripada lima belas perkataan yang diuji dalam kajian ini. Secara keseluruhannya seramai sebelas orang (73.3) murid telah mencapai lebih daripada 50% perkataan yang mengandungi dua suku kata.

Dalam kategori penguasaan perkataan yang mengandungi tiga suku kata (3SK) seramai dua orang murid (13.3%) sahaja telah menguasai semua (100%) lapan belas perkataan yang diuji. Hanya seorang (6.7) sahaja yang mampu menguasai lima belas (83%) patah perkataan dari lapan belas patah perkataan yang diuji. Seorang (6.7%) murid telah menguasai empat belas (78%) perkataan daripada lapan belas perkataan. Cuma seorang murid (6.7%) telah menguasai tiga belas (72%) patah perkataan daripada lapan belas perkataan. Hanya seorang murid (6.7%) sahaja telah menguasai dua belas (67%) patah perkataan daripada lapan belas perkataan. Seramai dua orang murid (13.3%) telah menguasai sebelas (61%) patah perkataan daripada lapan belas patah perkataan yang diuji. Seramai seorang murid (6.7%) telah menguasai tujuh (39%) perkataan daripada lapan belas perkataan. Seramai dua orang murid (13.3%) telah menguasai empat (22%) patah perkataan daripada lapan belas patah perkataan yang diuji. Seramai seorang murid (6.7%) telah menguasai tiga (17%) patah perkataan daripada lapan belas perkataan. Terdapat tiga (33.3%) murid yang tidak menguasai (0%) sebarang perkataan yang mengandungi tiga suku kata.

Secara amnya terdapat lapan (53.3%) orang murid yang dapat menguasai lebih daripada 50% bacaan perkataan yang mengandungi tiga suku kata. Manakala empat (26.7%) orang murid mencapai kurang daripada 50% dan tiga (33.3) orang murid tidak mencapai kemahiran membaca perkataan yang mengandungi tiga suku kata.

Analisis keseluruhan kajian menunjukkan lebih daripada 50% murid telah menguasai sekurang-kurangnya empat sebutan fonem daripada tujuh sebutan fonem, lapan suku kata daripada lima belas suku kata, lapan patah perkataan yang mengandungi dua suku kata dan sembilan patah perkataan yang mengandungi tiga suku kata.

#### **4.6 Kesimpulan**

Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan min dari segi pencapaian sebutan fonem, membaca suku kata, seluruh kata serta menampakkan peningkatan secara menyeluruh dari segi bacaan. Walau bagaimanapun masih terdapat murid yang tidak dapat menguasai kesemua fonem, membaca suku kata, membaca seluruh kata yang mengandungi dua suku kata dan tiga suku kata.